

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
  2. Guru akan memberikan satu topik untuk dibincangkan dalam kumpulan.
  3. Murid akan berbincang topik dan situasi yang diberi oleh guru bersama-sama ahli kumpulan.
  4. Setiap kumpulan perlu menyediakan peta minda secara kreatif tentang topik dan situasi yang dibincangkan tadi di atas kertas sebak atau sebagainya.
  5. Kemudian seorang murid dalam kumpulan akan duduk di kerusi untuk menjadi “pakar” atau “watak”.
  6. Murid dalam kumpulan lain akan bertanya tentang hasil dapatan peta minda kumpulan tersebut.
  7. “Pakar” atau “watak” ini akan menjawab soalan dan menerangkan hasil dapatan kumpulan mereka.

SP 14.5 TP 6

### Situasi

1. Kamu mahu duduk di meja yang sama dengan rakan lain di kantin, tetapi rakan itu sudah menempah tempat tersebut.
2. Kamu dan rakan bergaduh kerana berebut menggunakan komputer di makmal komputer semasa waktu rehat.
3. Kamu mahu menggunakan peralatan muzik di bilik muzik, tetapi murid yang lain sedang berlatih untuk persembahan sekolah.
4. Kamu dan rakan berebut giliran bercakap dalam perbincangan kumpulan dan masing-masing tidak mahu mengalah.

### Topik

1. Cara bersikap toleransi sesama warga sekolah.
2. Kepentingan bersikap toleransi sesama warga sekolah.
3. Kesan jika tidak bersikap toleransi terhadap warga sekolah.
4. Perasaan apabila bersikap toleransi sesama warga sekolah.